

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIX)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

13. Apakah skop kerja Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang?
- (a) Senaraikan kejayaan perbadanan ini dan misi.

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang ditubuhkan bagi tujuan seperti berikut:-
- (a) Melaksanakan dasar dan program bagi menjamin daya maju stadium dan kawasan lapang;
- (b) Menggalak dan mempromosikan penggunaan stadium dan kawasan lapang oleh mana-mana orang, samada tempatan atau asing, atau apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- (c) Memajukan dan menambahbaik stadium dan kawasan lapang;
- (d) Menyediakan dan melengkapi stadium dengan loji jentera, kelengkapan dan perkakasan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan;
- (e) Mempromosi stadium di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai suatu tempat serbaguna untuk acara sukan, rekreasi, kebudayaan, pendidikan,

komersial dan hiburan dan apa-apa acara difikirkan patut oleh Perbadanan;

- (f) Membangun dan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bersifat komersial yang melengkapi stadium termasuklah penginapan;
- (g) Menyediakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan stadium, sukan dan rekreasi;
- (h) Memajukan sistem dan proses yang akan menjadikan stadium mudah, mampu dan menarik kepada orang awam; dan
- (i) Menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang difikirkan patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Misi penubuhan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang adalah untuk menjadikan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi di bawah pengurusan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang sebagai pilihan utama penggunaan dan penganjuran acara sukan dan rekreasi di peringkat antarabangsa.

Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang bermesyuarat pada 29 November 2019 dan disahkan pada 6 Disember 2019 telah meluluskan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2020. Pengarah Eksekutif bagi Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang juga telah dilantik berkuatkuasa mulai 2 Januari 2020 dan Perbadanan dalam proses pengambilan kakitangan. Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang akan merancang dan memastikan objektif penubuhan Perbadanan tercapai dan akan melakar pelbagai kejayaan di masa hadapan. Buat masa ini, Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang telah memulakan langkah dengan perancangan membangunkan sebuah Taman Kejiranan di Lebuhr Sungai Pinang 7.